

# **STATUS DAN CABARAN PROGRAM LITERASI DAN NUMERASI (LINUS) SELEPAS SARINGAN 1**

## **1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Program LINUS telah dilaksanakan ke seluruh sekolah rendah pada bulan Mac 2010. Program LINUS menyasarkan bahawa semua murid kecuali berkeperluan khas berkeupayaan menguasai membaca, menulis dan mengira selepas tiga tahun persekolahan pada akhir 2012.
- 1.2 Strategi pertama bagi membolehkan matlamat tersebut tercapai adalah dengan mengadakan Saringan 1 yang melibatkan saringan lisan dan penulisan bagi Literasi dan Numerasi. Saringan 1 merupakan strategi asas atau langkah awal sebagai kayu ukur (deep stick) untuk mengenal pasti asas atau aras keupayaan murid Tahun 1 dalam literasi dan numerasi.
- 1.3 Saringan 1 bukan berbentuk ujian atau peperiksaan untuk melabel murid sama ada cemerlang, pandai atau lemah, tetapi lebih bertujuan untuk mengetahui sama ada murid celik huruf atau celik nombor selepas dua bulan persekolahan.
- 1.4 Susulan daripada Saringan 1, program LINUS akan menyusun strategi intervensi untuk membantu murid yang belum celik huruf dan nombor mengetahui asas literasi dan numerasi bagi membantu murid mengikuti pengajaran dan pembelajaran pada Tahun 1.
- 1.5 Strategi intervensi akan menggunakan pelbagai pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran seperti melalui Modul Pengajaran dan Modul Pembelajaran LINUS serta pedagogi berbentuk didik hibur.

## **2.0 SENARIO SELEPAS SARINGAN 1 LINUS**

- 2.1 Proses Saringan 1 LINUS telah berakhir pada 5 Mac 2010. Walau bagaimanapun, data bilangan murid yang perlu mengikuti program LINUS

atau meneruskan pengajaran dan pembelajaran di arus perdana belum diperoleh. Namun, berdasarkan respons yang diterima sama ada dari sekolah, media masa, NGO, masyarakat, ibu bapa atau orang perseorangan membayangkan bahawa ramai dalam kalangan murid Tahun 1 yang belum menguasai Saringan . Dianggarkan melebihi 50% hingga 70%.

### **3.0 PENERANGAN DARIPADA (LEMBAGA PEPERIKSAAN)**

3.1 Jawatankuasa Kerja Program LINUS peringkat KPM telah mengadakan tindak susul bagi mengenal pasti situasi tersebut, serta meminta bahagian yang menerajui pembinaan instrumen memberi justifikasi berikutan pandangan yang mengatakan bahawa instrumen yang dibina sukar untuk murid Tahun 1. Berikut adalah justifikasi Lembaga Peperiksaan Malaysia terhadap instrumen saringan Program LINUS;

3.1.1 Pembinaan instrumen saringan dibina mengikut teori dan konsep pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran.

3.1.2 Instrumen saringan yang digubal dengan kerjasama dan nasihat pakar pentaksiran daripada universiti, mereka yang mahir dalam bidang pentaksiran, serta guru-guru Tahun 1 dan guru pemulihan.

3.1.3 Instrumen Saringan literasi dan numerasi adalah berdasarkan 12 konstruk yang telah dipersetujui dan diluluskan oleh LAB NKRA.

3.1.4 Beberapa siri uji rintis instrumen saringan dan penambahbaikan telah dijalankan dengan mengambil kira beberapa perkara seperti kedudukan sekolah bandar dan luar bandar, sekolah SK, SJK dan sekolah yang melaksanakan Kurikulum Asli Penan (KAP).

3.1.5 Pelaksanaan saringan telah mengambil kira semua aspek dan sejajar dengan konsep pelaksanaan program LINUS yang mana saringan tidak ditadbir seperti ujian atau peperiksaan.

- 3.1.6 Penerangan untuk mentadbir dan melaksanakan Saringan 1 disertakan dalam buku penerangan atau "manual" untuk membantu guru mentadbir saringan tersebut.
- 3.1.7 Penerangan kepada semua pihak bahawa liyerasi dalam Program LINUS bukan untuk mengenal pasti penguasaan murid terhadap Bahasa Malaysia dan juga bukan penguasaan murid terhadap Matematik.
- 3.1.8 Dapatan awal daripada pemantauan pelaksanaan Saringan 1 menunjukkan ada guru yang mentadbir saringan seperti menjalankan ujian atau peperiksaan.
- 3.1.9 Kekeliruan ini mungkin berlaku kerana arahan yang ada di muka depan kertas instrumen (numerasi bertulis) yang menyebut jangka masa 1 jam untuk melaksanakannya.
- 3.1.10 Terdapat tiga masalah utama yang menyumbang kepada kemungkinan murid yang tidak menguasai konstruk-konstruk saringan seperti yang berikut;
- i. Terdapat guru yang mentadbir saringan dalam bentuk peperiksaan.
  - ii. Guru tidak dibimbing murid semasa mentadbir dan melaksanakan saringan bagi setiap muka surat .
  - iii. Struktur item dan grafik boleh mengelirukan murid.

#### **4.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PROGRAM LINUS**

- 4.1 Program LINUS perlu dilaksanakan seperti yang dirancang selepas Saringan 1. Dicapadkan hanya murid yang gagal menguasai konstruk 1 dan konstruk 2 sahaja mengikuti program LINUS.
- 4.2 Murid yang melepasi konstruk 3 hingga 8 bagi literasi dan konstruk 3 hingga

- 9 bagi numerasi boleh meneruskan P&P di arus perdana, walau bagaimanapun mereka perlu melalui Saringan 2 pada bulan Jun.
- 4.3 Satu Surat Pekeliling Ikhtisas akan dikeluarkan untuk menerangkan penambahbaikan terhadap Program LINUS ke sekolah.
  - 4.4 Penambahbaikan akan dilakukan terhadap instrumen saringan dan manual pelaksanaan Saringan 2 dan Saringan 3 akan diperkemas. Instrumen Saringan 2 dan Saringan 3 dibentangkan kepada Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Program LINUS, KPM
  - 4.5 Semua bahan yang dihasilkan oleh Bahagian yang Meneraju (Lead Agency) strategi Program LINUS mesti melalui dan diluluskan oleh Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Program LINUS, KPM
  - 4.6 Mempercepatkan proses perjawatan FasiLinus dan guru pemulihan supaya dapat ditempatkan dengan segera.
  - 4.7 Guru pemulihan yang mengendalikan pemulihan di Tahun 2 dan Tahun 3 perlu juga mengendalikan Program LINUS di Tahun 1.